

# LAPORAN TAHUNAN 2022



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK



# LAPORAN TAHUNAN 2022



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK





LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2022 ini dikemukakan kepada Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim selaras dengan peruntukan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu “Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen”.

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga. Untuk sebarang petikan maklumat daripada penerbitan ini, kenyataan berikut hendaklah disertakan:

“Sumber: Suruhanjaya Tenaga”.

Diterbitkan oleh:

**SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)**

No. 12, Jalan Tun Hussein

Presint 2, 62100 Putrajaya,

Malaysia

T: (603) 8870 8500

F: (603) 8888 8637

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)

ISSN: 2636-9869

No. Penerbitan ST: ST(P)08/08/2023

**DICETAK DI MALAYSIA**

# KANDUNGAN

---

<b>AKRONIM DAN SINGKATAN</b>	<b>1</b>	<b>PENGURUSAN DANA KWIE</b>	<b>22</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>2</b>	SUMBER KEWANGAN KWIE	23
MAKLUMAT KORPORAT	3	TERIMAAN SUMBANGAN KWIE	24
PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)	4	PENDAPATAN FAEDAH KWIE	25
AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990	5	PELABURAN DANA KWIE	26
JAWATANKUASA KWIE	6	PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE	28
SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2022	8	PERBELANJAAN MENGRUS KWIE	29
<b>AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2022</b>	<b>9</b>	<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022</b>	<b>30</b>
MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (JKKWIE) BAGI TAHUN 2022	10	PENYATA Pengerusi dan seorang anggota Suruhanjaya Tenaga	
PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE) BAGI TAHUN 2021	11	PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KWIE	
MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK	12	PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022	
PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP BAYARAN <i>IMBALANCE COST PASS-THROUGH</i> (ICPT) OLEH SURUHANJAYA TENAGA (ST) DAN KWIE	15		
PENGAUDITAN KE ATAS PEMEGANG LESEN	16		
PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE	19		
RISALAH KWIE	21		

# AKRONIM DAN SINGKATAN

---

<b>AAIBE</b>	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik
<b>ABE</b>	Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
<b>BNM</b>	Bank Negara Malaysia
<b>CA</b>	Akaun Semasa - <i>Current Account</i>
<b>COVID-19</b>	Penyakit Koronavirus 2019 - <i>Coronavirus Disease 2019</i>
<b>FD</b>	Simpanan Tetap - <i>Fixed Deposit</i>
<b>FOMCA</b>	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia - <i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i>
<b>IBR</b>	Kawal Selia Berasaskan Insentif - <i>Incentive Based Regulation</i>
<b>ICPT</b>	<i>Imbalance Cost Pass-Through</i>
<b>JAN</b>	Jabatan Audit Negara
<b>JKKWIE</b>	Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>KWIE</b>	Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>LAP</b>	Lesen Awam Pengagihan
<b>LHDNM</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
<b>MJM</b>	Mesyuarat Jemaah Menteri
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan - <i>Ministry of Finance</i>
<b>NRECC</b>	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, juga dahulu dikenali sebagai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
<b>NUR Dist.</b>	NUR Distribution Sdn. Bhd.
<b>OPR</b>	<i>Overnight Policy Rate</i>
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>RP</b>	Tempoh Kawal Selia - <i>Regulatory Period</i>
<b>ST</b>	Suruhanjaya Tenaga
<b>STMMD</b>	<i>Short Term Money Market Deposit</i>
<b>TNB</b>	Tenaga Nasional Berhad

# PENGENALAN

MAKLUMAT KORPORAT

PENUBUHAN KUMPULAN WANG  
INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

JAWATANKUASA KWIE

SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA  
BAGI TAHUN 2022





# Maklumat Korporat

## VISI

Ke Arah Sebuah Badan Kawal Selia Tenaga Bertaraf Dunia Menjelang 2026

## MISI

Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat, berterusan, dan berdaya harap, meningkatkan kecekapan ekonomi dan kemampuan, melindungi kepentingan awam, dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran kompetitif dalam persekitaran yang lestari.

## NILAI TERAS



**Kecemerlangan**



**Profesionalisme**



**Integriti**



**Ketulusan dan Kesaksamaan**

## Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Suruhanjaya Tenaga (ST) bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas, ST mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2002. Fokus utama ST adalah bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

Peranan ST terbahagi kepada tiga (3) iaitu Kawal Selia Ekonomi, Kawal Selia Teknikal dan Peraturan Keselamatan.



### Kawal Selia Ekonomi

Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulum dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.



### Kawal Selia Teknikal

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri elektrik dan bekalan gas berpaip.



### Peraturan Keselamatan

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam dari bahaya yang timbul dari penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.

# Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)

---

## Peruntukan Akta

Ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (ABE) dan telah beroperasi secara rasmi pada 1 Februari 2017.

## Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) Akta 447, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh ST.

## Fungsi KWIE

Fungsi KWIE adalah bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh ST. Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.



# Akta Bekalan Elektrik 1990

KWIE ditadbir urus berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447]. Antara peruntukan-peruntukan tersebut adalah:

## Operasi KWIE di bawah Peruntukan ABE

### AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

#### SEKSYEN 44B(1) & (2)

Peruntukan berkenaan sumbangan oleh pemegang lesen ke dalam KWIE, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan atau perintah dalam warta.

#### SEKSYEN 44D(1) & (2)

Peruntukan berkenaan pembukaan akaun dan pelaburan – diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

#### SEKSYEN 44E: AKAUN

1. Peruntukan berkenaan penyimpanan akaun yang sepatutnya dan laporan aktiviti bagi Kumpulan Wang Industri Elektrik dan selepas berakhirnya tahun kewangan Suruhanjaya, menyediakan bagi tahun kewangan itu:
  - (a) suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan; dan
  - (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti.
2. Menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan sesalinan laporan juruaudit kepada Menteri untuk dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen.

#### SEKSYEN 44C(1), (2) & (3)

##### SEKSYEN 44C(1): KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Peruntukan berkenaan tujuan penubuhan KWIE yang ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya.

##### SEKSYEN 44C(2): SUMBER DANA

- a. Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B;
- b. Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa;
- c. Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan
- d. Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

##### SEKSYEN 44C(3): PERBELANJAAN

- a. Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau
- b. Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

# Jawatankuasa KWIE

Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat ST pada 4 Ogos 2015 dan 12 Februari 2016 yang berfungsi dalam memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE. Ia juga ditubuhkan dengan terma rujukan bagi memastikan kewujudan semak dan imbang dalam tadbir urus KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.

## Keanggotaan JKKWIE

### Suruhanjaya Tenaga

Anggota ST sebagai Pengerusi JKKWIE

### Suruhanjaya Tenaga

1. Anggota ST
2. Ketua Pegawai Eksekutif, ST
3. Ketua Pegawai Operasi, ST
4. Pengarah, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST
5. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, ST
6. Pengarah, Jabatan Undang-Undang, ST

### Wakil Kerajaan

1. Wakil Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
2. Wakil Kementerian Ekonomi
3. Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

### Wakil Pengguna

Wakil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

### Urus Setia

Unit KWIE, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST





## Fungsi dan Tanggungjawab JKKWIE

1

Memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan tujuan penubuhannya.

Memperakukan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

2

3

Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam ABE, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

Memperakukan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun dan Pemindahan Peruntukan Bajet.

4

5

Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.

Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

6



# Sorotan KWIE di dalam Media bagi Tahun 2022

## Electricity tariff relief continues

PM: Govt will give subsidies worth RM700mil for nine million domestic users

By MAZWIN NIK ANIS  
mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** There will be no increase in electricity tariff for the nine million domestic users.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the Cabinet made the decision at its weekly meeting on Wednesday.

"The government will continue with subsidies worth more than RM700mil so that domestic users are not affected (by the new rates)," he said on Twitter.

The Energy Commission said under the Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) mechanism, which is reviewed every six months, a rebate of 2 sen/kWh will remain for all domestic users with no surcharge imposed between Feb 1 and June 30.

"Therefore, there will be no increase in electricity tariff for domestic users in the peninsula," it said in a statement.

However, under a new tariff implemented from Feb 1, 2022, to 2024, the commission said a 3.7 sen/kWh surcharge will be imposed on all commercial and industrial users.

"To maintain the rebates and to bear the ICPT surcharge cost for all domestic users, the government has allocated RM715mil from Kumpulan Wang Industri Elektrik for the purpose," it said.

The commission pointed out that between July 1 and Dec 31 last year, there was an increase in fuel costs and other generating costs of RM1.67bil, following a hike in coal



Top act: Ismail Sabri greeting some skywalkers in traditional wear at the skydeck under Kuantan 188 Tower. Also present is Wan Rosdy (right). — Bernama

prices that had soared up to US\$200 per tonne.

Meanwhile, in Kuantan, Ismail Sabri visited the Kuantan 188 Tower, one of the latest and iconic tourism products developed by the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) on the banks of the Kuantan river.

The Prime Minister, who took a buggy ride from Kuantan City Complex, where he chaired an ECERDC meeting earlier, arrived at the tower at 12.10pm, reported Bernama.

Present were the Mentris Besar from the three east coast states, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

(Pahang), Samsuri and Datuk Finance Seri Zafri Menteri (Department) Datuk Seri Chief Secretary

Tan Sri Mohd Zuki Ali were also in attendance.

At the tower compound, the Prime Minister also inspected and was briefed on the recreational vehicle (RV) or caravan, one of the latest tourism projects proposed by ECERDC for development in a district in Pahang.

He then proceeded to the Kuantan 188 Tower skydeck, which offers an unobstructed 360° view of the city.

The Kuantan 188 Tower is the second tallest tower in Malaysia, after KL Tower.

In a statement, ECERDC chief executive officer Datuk Daidzawi Che Mat said RV tourism is fast becoming a popular trend as it provides a more open tourism concept for various outdoor and personal activities.

"The RV tourism industry is fast growing in Australia, China, South Korea, Japan and the US,"

Keputusan itu membatalkan seramai lebih sembilan juta pengguna domestik

Oleh MOHAMMAD KHARIL ABRAHIM MOHD KHALID

SHAH ALAM

Kerajaan membuat keputusan untuk tidak menaikkan tarif elektrik untuk sembilan juta pengguna domestik. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan juga akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta agar pengguna tidak terkejut.

"Keputusan ini juga terpakai kepada pengguna komersial dan industri," katanya.

Tanah Surtuhajja Tesaja, bagi tempoh 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022, kepada peniagaan dan industri. Beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta dalam bentuk subsidi kepada pengguna domestik dan komersial. Beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta kepada pengguna domestik dan komersial. Beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta kepada pengguna domestik dan komersial.

## Kerajaan putuskan tiada kenaikan tarif elektrik



Ismail Sabri (pertiga) telah mengumumkan keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan tarif elektrik kepada sembilan juta pengguna domestik.

"Keputusan ini juga terpakai kepada pengguna komersial dan industri," katanya.

Tanah Surtuhajja Tesaja, bagi tempoh 1 Februari hingga 31 Disember 2022, kepada peniagaan dan industri. Beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta dalam bentuk subsidi kepada pengguna domestik dan komersial. Beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan subsidi sebanyak RM700 juta kepada pengguna domestik dan komersial.

Keputusan ini juga terpakai kepada pengguna komersial dan industri," katanya.

Sumber: The Star (29 Jan 2022)

Sumber: Sinar Harian (29 Jan 2022)

## RIISING COSTS ABSORBED BY UTILISING KWIE FUNDS

**KUALA LUMPUR:** Fossil fuel comprising coal, natural gas and petroleum remained a vital role in the electricity industry globally and with skyrocketing fuel prices, Malaysia and elsewhere are feeling the brunt of rising cost of generation.

With the growing transportation seemingly failing to keep up with the rising costs, higher power bills for many users seems inevitable.

"Coal prices are inflated by the investments of the oil market, hence, the pressure to raise electricity prices is inevitable," said a senior analyst at a local energy market research firm.

This is especially when prices are expected to remain elevated next year because of the Russia-Ukraine conflict but also due to volatility in the supply and demand.

Although the geopolitical shock has somewhat subsided and oil has fallen, the potential loss of three million barrels per day of Russian crude and refined products starting in April following sanctions, appears to be among reasons for a higher price again soon.

The oil prices already topped US\$137 per barrel early this month, and are pushing up the coal market in a way that would impact retail electricity prices for households and individuals too.

To recap, the coal prices have been skyrocketing since late 2020 because of demand and further supported by economic recovery in 2021, as well as shrinking production in key producer markets like Europe and China, propelling the prices to the near to its record high recently.

The benchmark Newcastle futures benchmark US\$45 a tonne on March 2 following Russia's invasion of Ukraine which began on Feb. 24.

At present, coal prices have been absorbed by the government by adding funds from Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) to cover generation set during the period.

In Thailand, Singapore and the Philippines, domestic users were slapped with a much higher domestic tariff compared to Malaysia.

In Thailand, Fuel Tariff (FT) is used to calculate electricity bills, and derived from the Automatic Tariff Adjustment Mechanism formula.

It is reviewed every four months and for the January-April 2022 period, it rose to 1.39 ringgit/unit or an average of 2.73 baht per kWh, up from 1.18 baht per kWh, an increase of 4.6 per cent.

The country has to import additional liquefied natural gas (LNG) due to the shortage of natural gas supply in the Gulf of Thailand.

Natural gas makes up almost 40 per cent of fuel used to generate electricity in the country, and following the rise in global oil prices, electricity tariff is expected to rise to 23.37 satang per unit or about four baht per kilowatt hour from May to August this year.

Setting a subsidisation of currency, equal to one hundredth of a Thai baht.

Similarly, Singapore relied heavily on the imports of natural gas and the rise in its electricity prices causing a shake-up over the appropriateness of the ability of business to survive and the pandemic crisis.

The power tariff for households was recently raised to 17.22 cents per kWh for the first quarter 2022 period versus 25.8 cents per kWh in the preceding quarter.

Consequently, the gas tariff for households also increased to 21.62 cents per kWh over the same period.

That means, the tariff has risen by 17.3 per cent on a year-on-year basis.

The incentive-based Regulation (IRR) is a benchmark based around prevailing fuel production costs and tariff reference.

It is widely used across the electricity sector to determine tariff and adopted by countries like the United Kingdom, Australia, Japan, Singapore and New Zealand, among others.

It has been implemented since 2018, when the IRR was introduced to ensure a transparent tariff is set, while the ICPT is a mechanism under the benchmark.

The ICPT is determined based on actual fuel price movement, allowing government to determine the appropriate steps in responding to price fluctuations in the global market.

This allows IRR to allow operator to either raise or lower the fuel cost tariff every six months.

Through IRR support, the impact to the given to the IRR is a surcharge of 1.5 million SAR, it is government to raise and lower the fuel cost tariff for any purpose.

Thereby, encouraged efficiency in electricity generation to minimise the surcharge to the household.

Historical has been household.

Sumber: New Sarawak Tribune (6 April 2022)

**KUALA LUMPUR (July 4):** The Energy Commission sees electricity generation fuel costs remaining elevated in the second half of this year (2H22), but its projection indicates some stability in coal prices after being on the rise for 21 months since the third quarter of 2020 (3Q20).

Responding to queries from *The Edge*, the commission said it expects coal prices to hover around US\$365 (about RM1,610.74) per tonne and natural gas prices at RM40.66 per mmbtu (metric million British thermal units) in 2H22 based on fuel prices forecast as of June 2022.

Bloomberg data showed that the Australia Newcastle coal price settled at US\$375 per tonne on July 1. The benchmark indicator averaged at US\$353 in 2Q22, up from an average of US\$196 in 1Q22.

Comparatively, Tenaga Nasional Bhd's (TNB) coal price assumption averaged at US\$134 per tonne in 1Q22, and its 1Q22 natural gas reference market price for purchase beyond the first 1,000 mmscf (million standard cubic feet per day) stood at RM36.86 per mmbtu.

Fuel costs climbed in 1H22 as demand exploded following the economic reopening. One of the biggest gainers is coal, which is back in vogue as even carbon-conscious countries in the European Union began burning the fossil fuel having pledged not to do so in favour of green energy.

## Energy Commission says fuel costs will stay elevated in 2H, but sees some price stability

BY ADAM AZIZ  
thead@edgemarket.com



In 1Q22, Peninsular Malaysia's electricity fuel mix consisted of coal (94.1%), gas (39.1%), hydro (4.8%), oil and distillates (1.1%), and solar (0.9%).

TNB, which uses coal and gas for the power sector, procures 65% of its coal supply from Indonesia, followed by Australia, India and Russia.

**RM5.8 billion electricity subsidy funded by govt**

The government has kept its electricity tariffs unchanged for 2H22 despite higher fuel costs in 1H22, resulting in a RM5.8 billion shortfall. The additional subsidy is 13.81 sen per kWh (kilowatt-hour).

In its reply, the Energy Commission reiterated that the allocation of RM5.8 billion "will be funded by the government to cover the cost of maintaining the ICPT (imbalance cost pass-through) rebate and bear the surcharge".

In 2020, the electricity bill discount of RM2.78 billion was split among the Electricity Industry Fund or KWIE (RM1.09 billion), the Ministry of Finance (RM534.8 million) and TNB (RM250 million).

KWIE, which is funded from ICPT collection, contributions from power producers and interest income, amounted to RM552.43 million at end-2020, from RM1.12 billion at end-2019. It collected RM1.37 billion in 2020, down from just under RM2 billion in 2019.

Sumber: The Edge (4 Julai 2022)

# AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2022

○ MESYUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (JKKWIE) BAGI TAHUN 2022

PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE) BAGI TAHUN 2021

MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP BAYARAN *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT) OLEH SURUHANJAYA TENAGA (ST) DAN KWIE

PENGAUDITAN KE ATAS PEMEGANG LESEN

PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

RISALAH KWIE





# Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) bagi Tahun 2022

Dalam usaha menjalankan fungsi-fungsi Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) khususnya dalam mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk melicinkan pengurusan dana KWIE dan mengendalikannya secara berhemah dan teratur.

Sepanjang tahun 2022, JKKWIE telah bersidang sebanyak empat (4) kali secara fizikal dan secara dalam talian bagi membincang dan memperakukan perkara-perkara berhubung pengurusan dana KWIE seperti berikut:

## Isu Perbincangan Tadbir Urus KWIE bagi Tahun 2022



### MESYUARAT JKKWIE BILANGAN 1

- Cadangan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 (Sebelum Diaudit)
- Cadangan Kemaskini Polisi Dana KWIE
- Cadangan Kemaskini Manual Prosedur Pengurusan Kewangan (MPPK) KWIE



### MESYUARAT JKKWIE BILANGAN 2

- Cadangan Bajet KWIE Tahun 2023
- Kemaskini Panduan Sumbangan oleh Pemegang Lesen di Semenanjung kepada KWIE
- Pengurusan Dana KWIE



### MESYUARAT JKKWIE BILANGAN 3

- Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 (Selepas Diaudit)



### MESYUARAT JKKWIE BILANGAN 4

- Makluman Keputusan Pelarasan Tarif Elektrik di bawah Mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di Semenanjung dan Kulim High Technology Park (KHTP) bagi Tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022
- Cadangan Pelantikan Baru Ejen Cukai KWIE

# Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) bagi Tahun 2021

Sebagai pemegang amanah dan pengurus dana industri elektrik yang ditubuhkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (ABE), KWIE amat komited dalam memastikan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan pada tahap integriti yang tertinggi. Matlamat paling utama KWIE adalah melaksanakan semua keputusan dasar Kerajaan dan menjalankan aktiviti pengurusan dana KWIE secara profesional dan beretika.

Dengan peruntukan Akta yang sama, subseksyen 44E(1) menghendaki supaya KWIE menyediakan suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan serta suatu pernyataan mengenai aktiviti KWIE pada setiap berakhirnya tahun kewangan.

Sehubungan dengan itu, salah satu agenda tahunan yang dibincangkan di dalam Mesyuarat JKKWIE adalah berkaitan Penyata Kewangan (PK) dan Laporan Tahunan (LT) KWIE selepas diaudit untuk diluluskan oleh Mesyuarat ST dan ditandatangani oleh Ketua Audit Negara, seterusnya dibentangkan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44E(2), ABE.

Draf PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2021 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat JKKWIE Bilangan 1/2022 pada 8 Februari 2022 dan Mesyuarat ST Bilangan 2/2022 pada 24 Mac 2022 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Pihak JAN telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) iaitu Razali Abd Karim & Co., sebagai wakil untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan PK KWIE.

PK KWIE yang telah diaudit dan LT KWIE Tahun 2021 diluluskan di dalam Mesyuarat JKKWIE Bilangan 3/2022 pada 10 Jun 2022 dan Mesyuarat ST Bilangan 6/2022 pada 22 Jun 2022.

Salinan PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2021 selepas diaudit telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 1 September 2022. PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2021 telah dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen, iaitu di Dewan Rakyat pada 28 Februari 2023 dan di Dewan Negara pada 21 Mac 2023.



# Mengurus Impak Tarif Elektrik

## Kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive Based Regulation - IBR*)

Sejak tahun 2015, ST dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk setiap tempoh kawal selia (*Regulatory Period "RP"*). Pelaksanaan kerangka kerja IBR ini selaras dengan peruntukan perundangan melalui subseksyen 26(1) ABE, di mana ia memberikan kuasa kepada ST untuk menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen.

Selaras dengan peruntukan tersebut, penetapan RP dan kadar tarif asas elektrik TNB di Semenanjung diluluskan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:



## Perincian Pelarasan Tarif Elektrik di bawah Mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* bagi Tahun 2022

Pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT ini dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diputuskan oleh Majlis Jemaah Menteri (MJM) setiap enam (6) bulan, untuk dilepaskan kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung melalui pemegang lesen dalam bentuk surcaj atau rebat ICPT.

Selaras dengan prinsip pelaksanaan semakan ICPT, semakan kadar ICPT tahun 2022 mengambil kira perubahan kos penjaan termasuk harga bahan api sebenar bagi tempoh berikut:


2021						2022													
Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis		
Tempoh RP Lanjutan RP2																			
						Tempoh Pelaksanaan RP3													
							Tempoh RP RP3												
												Tempoh Pelaksanaan RP3							



## Pelaksanaan Keputusan ICPT bagi Tahun 2022

Tempoh	Feb - Jun 2022		Jul - Dis 2022	
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik	Domestik	Bukan Domestik
Keputusan MJM	<b>Rebat</b> 2.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> 3.70 sen/kWj	<b>Rebat</b> 2.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> 3.70 sen/kWj
Tampungan KWIE	RM669 juta		RM339 juta	

## Ringkasan Kos ICPT bagi Tahun 2022




## Tuntutan Kos ICPT kepada Pengguna Domestik bagi Tahun 2022 oleh Pemegang Lesen yang Dibayar Melalui Dana KWIE

Pembayaran tuntutan kos ICPT tahun 2022 melalui dana KWIE adalah seperti berikut:

Tempoh	Feb - Jun 2022	Jul - Dis 2022
TNB	RM665 juta	RM338 juta
Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)	RM1 juta	RM1 juta
NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR Dist.)	RM3 juta*	-

\*Nota: Kos pemberian rebat bagi pengguna NUR Dist. bagi bulan Januari 2022 sahaja

## Peratusan Jumlah Tuntutan Kos ICPT Tahun 2022 oleh Pemegang Lesen yang Dibayar Melalui Dana KWIE



# Pengauditan Pematuhan Terhadap Bayaran *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan KWIE

Mulai tahun 2019, pihak JAN melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan dan Negeri selaras dengan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100.

Pada 21 Mac 2022, pihak JAN telah menjalankan Pengauditan Pematuhan Terhadap Bayaran ICPT oleh ST dan KWIE bagi tahun 2020 sehingga kini. Objektif pengauditan pematuhan ini adalah untuk memastikan pembayaran ICPT oleh ST melalui dana KWIE dilaksanakan mengikut proses tadbir urus yang teratur.

Selain JAN dan Unit KWIE, turut terlibat di dalam sesi pengauditan ini adalah Unit Harga Elektrik (UHE), sebagai unit yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan mekanisme tarif elektrik, termasuk ICPT.

Skop pengauditan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

## Tarif dan Caj



## Had Kuasa



## Penerimaan dan Pembayaran



## Kawalan Proses Dalam dan Pembayaran



JAN melalui surat rasmi pada 12 September 2022, memaklumkan bahawa dapatan daripada sesi Pengauditan Pematuhan Terhadap Bayaran ICPT menunjukkan bahawa pembayaran ICPT yang telah diurus oleh ST melalui dana KWIE, telah dilaksanakan dengan tadbir urus yang baik dan teratur, mengikut prosedur serta peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan.



# Pengauditan ke atas Pemegang Lesen

## Pengauditan ke atas Pelaporan Penyata Akaun TNB yang Dikawal Selia (*Regulatory Reporting Statements – RRS*) di bawah Pelaksanaan Mekanisme IBR bagi Tempoh Kawal Selia Kedua (Tahun 2018 hingga 2020)

ST dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja di bawah mekanisme IBR bagi penetapan tarif asas dan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung pada 1 Januari 2014. IBR merupakan satu rangka kerja kawal selia yang diluluskan oleh Menteri bertujuan untuk menetapkan tarif elektrik yang munasabah di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Buat masa ini, tempoh kawal selia (RP) bagi seseorang pemegang lesen ditetapkan selama tiga (3) tahun.

Bagi tujuan penilaian prestasi IBR, pemegang lesen dikehendaki mengemukakan laporan RRS pada penghujung tempoh kawal selia. Untuk tujuan tersebut, TNB telah mengemukakan laporan RRS bagi tempoh RP2 (2018 – 2020) untuk penilaian ST.

Unit KWIE telah diminta untuk melaksanakan pengauditan ke atas pelaporan RRS TNB tersebut dengan perincian seperti berikut:

### OBJEKTIF

- i. Mengesahkan Perkhidmatan yang Dikawal Selia (*Regulated Services*) dan Perkhidmatan yang Tidak Dikawal Selia (*Non-Regulated Services*) diklasifikasikan dan direkodkan dengan tepat; dan
- ii. Mengesahkan Kos Bersama Korporat (*Corporate Joint Cost*) dilaksanakan dan direkodkan dengan tepat.



### SKOP AUDIT

- i. *Reporting Regulatory Statement (RRS) - Operating Expenditure (OPEX) (2018-2020)*
  - (a) *Reporting Financial Statements (RFS)*
  - (b) *RP2 Executive Summary (Explanatory Documents)*
  - (c) *RP2 OPEX Variance Report (Dec 2018- Dec 2020)*
- ii. *Guidelines on Electricity Tariff Determination Under Incentive Based Regulation (IBR) for Peninsular Malaysia 2021 (RIG 2021)*
- iii. *Regulatory Accounting Framework (June 2013)*
- iv. Laman web rasmi TNB  
(<https://www.tnb.com.my/about-tnb/our-business/>)

## Pengauditan Pelaksanaan Pelarasan Tarif Elektrik di bawah Mekanisme ICPT dan Pengebilan Elektrik oleh Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)

Sejak tahun 2015, ST dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif bagi penetapan tarif asas dan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung. Salah satu komponen utama di dalam pelaksanaan IBR adalah mekanisme ICPT, di mana kos yang tidak berimbang, iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api untuk penjanaan elektrik berbanding kos unjuran yang digunakan di dalam penetapan tarif asas, akan dilepaskan kepada pengguna dalam bentuk rebat atau surcaj setiap enam (6) bulan, tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan. Keputusan ini perlu dilaksanakan oleh pihak TNB dan pemegang LAP berdasarkan peruntukan perundangan sedia ada.

Bagi memastikan keputusan pelaksanaan pelarasan tarif elektrik ini dilaksanakan dengan telus khususnya oleh pemegang LAP, suatu sesi pengauditan ke atas pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT dan pengebilan elektrik oleh pemegang LAP kepada pengguna-penggunanya telah dilaksanakan secara persampelan bermula September hingga Oktober 2022. Sesi pengauditan ini adalah lanjutan daripada semakan ke atas pengebilan elektrik oleh pemegang LAP semasa pelaksanaan pemberian diskaun bil elektrik pada tahun 2020 dan 2021, yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai inisiatif bagi membantu sektor ekonomi yang terjejas khususnya sektor ekonomi berkaitan dengan industri pelancongan dan rakyat ekoran penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### Perincian Pelaksanaan Pengauditan Pemegang Lesen LAP

#### OBJEKTIF

- i. Pemegang LAP melaksanakan keputusan berkaitan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT kepada pengguna dengan tepat dan telus;
- ii. Pengguna-pengguna di bawah pemegang LAP dikenakan surcaj atau menikmati rebat ICPT yang tepat seperti yang diputuskan oleh Kerajaan; dan
- iii. Sistem pengebilan bil elektrik dan pengenaan caj di dalam bil elektrik adalah mengikut kadar tarif yang diwartakan.

#### PELAKSANAAN

- i. Melakukan kerja-kerja pengauditan di pejabat dan lawatan lapangan di lokasi pemegang LAP beroperasi bagi mendapatkan data, mengumpulkan dan menilai maklumat untuk dilaporkan;
- ii. Persampelan ke atas tiga (3) kategori pemegang LAP iaitu pemegang LAP berkapasiti besar, sederhana dan bermasalah; dan
- iii. Hasil penemuan audit dilaporkan kepada pihak pengurusan ST bagi tujuan penyelarasan dan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan oleh pemegang LAP.



## Sorotan Pelaksanaan Pengauditan Pemegang Lesen LAP di Lapangan




# Pembangunan Sistem Kewangan KWIE

Susulan pelaksanaan pembangunan sistem kewangan KWIE yang bermula pada 20 September 2021, sesi *User Acceptance Test* (UAT) telah dilaksanakan secara dua (2) sesi iaitu pada 12 Januari hingga 15 Januari 2022 bagi sesi pertama dan pada 2 Mac hingga 9 Mac 2022 bagi sesi kedua.

Sesi UAT ini dilaksanakan bagi memberi peluang pengguna sistem untuk melakukan ujian kepada sistem bagi setiap modul yang terlibat termasuklah dari segi proses, laporan, format dokumen dan tetapan sistem. Pada masa yang sama, sesi latihan turut diberikan oleh pihak pembekal untuk memberi pendedahan kepada pengguna sistem semasa sesi UAT dijalankan. Semasa sesi UAT diadakan, pihak pembekal bersetuju untuk menambah baik sistem mengikut cadangan yang diperlukan daripada pengguna sistem bagi setiap modul-modul yang terlibat.


Pada 21 Mac 2022, sistem kewangan KWIE telah mula beroperasi dengan transaksi kewangan sepanjang tahun 2022 telah mula dilaksanakan melalui sistem kewangan KWIE. Sesi pengujian penerimaan akhir (*Final Acceptance Test* - FAT) pula telah dilaksanakan secara berperingkat, melibatkan 12 Sub-Modul Kewangan, Modul Hasil dan *Dashboard*. Pengujian FAT ini mengambil kira modul-modul dibangunkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan berfungsi sewajarnya.

Susulan daripada itu, pada 9 Disember 2022, *Final Acceptance Test* (FAT) telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi ST (JKPTST) Bilangan 33/2022.



Bagi perancangan masa hadapan berkaitan pembangunan sistem kewangan KWIE pula, proses penyerahan sistem KWIE dijangka akan disempurnakan pada akhir tahun 2022 atau selewat-lewatnya pada awal tahun 2023 setelah semua dokumentasi berkaitan fungsi dan teknikal diselesaikan. Pada ketika ini, sistem kewangan KWIE sedang menambah baik reka bentuk halaman hadapan sistem yang lebih elegan bagi mencerminkan imej KWIE yang lebih sofistikated. Pada masa yang sama, bagi Modul Hasil sistem kewangan KWIE, ia pula akan berintegrasi dengan sistem digital ST yang dijangka akan beroperasi pada bulan Oktober 2023.

## Garis Masa Pelaksanaan Pembangunan Sistem Kewangan KWIE





# Risalah KWIE

Mesyuarat JKKWIE Bilangan 2/2021 pada 31 Mac 2021 melalui wakil daripada Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA) telah menyarankan supaya satu risalah (*brochure*) mengenai inisiatif dan sumbangan yang dilaksanakan untuk rakyat melalui tampungan dana KWIE dibuat bagi memberi *visibility* kepada industri elektrik berkenaan fungsi KWIE, terutamanya dalam menangani impak tarif elektrik kepada pengguna.

Pada 24 Jun 2021, Mesyuarat JKKWIE Bilangan 3/2021 turut menyarankan supaya perkara ini dijadikan sebagai sebahagian daripada pelan komunikasi ST.

Susulan daripada itu, Mesyuarat JKPTST Bilangan 8/2022 pada 18 Mac 2022 telah meluluskan proses perolehan dan cetakan, yang seterusnya diuruskan oleh Unit Penerbitan Strategik (UPS), ST.

Pada 21 Disember 2022, sebanyak 13,000 unit risalah KWIE telah dicetak dan diedarkan kepada FOMCA dan Unit Promosi dan Hubungan Luar (UPHL), ST untuk dipromosikan kepada pengguna elektrik di seluruh negara.

**Dana KWIE yang Digunakan untuk Menampung Surcaj/Rebat ICPT dan Diskaun Bil Elektrik, 2017-2022**

Jumlah Keseluruhan Tampungan Dana KWIE (RM Juta)

2020	3,468
2019	1,512
2018	1,504

50% Surcaj ICPT  
20% Rebat KCP  
30% Diskaun Bil Elektrik

**Tampungan Surcaj ICPT**

Tahun	2020	2019	2018	2017
Jumlah (RM Juta)	12	1,317	900	1,239

**Tampungan Diskaun Bil Elektrik**

PRE 2020	RM 531 juta
PRIHATIN	RM 567 juta
BPE	RM 809 juta

**Peruntukan Akta**  
Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447] dan telah beroperasi secara rasmi pada 1 Februari 2017.

**Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE**  
Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) Akta 447, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

**Fungsi KWIE**  
Seperti peruntukan subseksyen 44C(3) Akta 447, KWIE ditubuhkan dengan tujuan menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang diisytiharkan perlu oleh ST.  
Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.

**Pengurusan Dana KWIE**  
Sumber kewangan KWIE seperti yang diperuntukkan di dalam Akta 447 adalah seperti berikut:  
Subseksyen 44C(1) (a) Apa-apa luran wang yang ditukarkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44C;  
(b) Apa-apa wang yang ditukarkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dan semasa ke semasa;  
(c) Semua wang yang dipotong sebagai penalti atau denda oleh Suruhanjaya Tenaga terhadap pemegang lesen Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan  
(d) Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya Tenaga bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.  
Segala aktiviti tahunan KWIE diperincikan di dalam penyata akaun dan laporan aktiviti yang diperakui oleh juruaudit untuk dibentangkan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 44E Akta 447.

**Penggunaan Dana KWIE**  
Mengurus Impak Tarif Elektrik  
Sejak tahun 2017, dana KWIE telah digunakan untuk mengurus impak tarif elektrik sama ada bagi menampung surcaj atau rebat (Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia.  
Tampungan Diskaun Bil Elektrik  
Pada tahun 2020, ekoran penularan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan sektor ekonomi, Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif untuk membantu pengguna yang telah terjejas termasuk melalui bantuan diskau bil elektrik.  
Sehubungan dengan itu, dana KWIE turut digunakan untuk menampung pemberian diskau bil elektrik di Semenanjung Malaysia.

**Sumbangan dan Peranan Kumpulan Wang Industri Elektrik dalam Industri Elektrik**

Jadilah bijak Tenaga

# PENGURUSAN DANA KWIE

SUMBER KEWANGAN KWIE

TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

PENDAPATAN FAEDAH KWIE

PELABURAN DANA KWIE

PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

PERBELANJAAN MENGURUS KWIE



Kerajaan melalui seksyen 44C(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) memberikan mandat kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk mentadbir urus dan mengawal selia Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) agar dana KWIE dapat diuruskan berdasarkan amalan kewangan yang baik.

Berikut adalah sumber kewangan KWIE, seperti yang diperuntukkan di dalam ABE:

## Sumber Kewangan KWIE

### Sumber Kewangan KWIE Mengikut Peruntukan di bawah Subseksyen 44C(2)

1

#### Perenggan 44C(2)(a)

Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B.

2

#### Perenggan 44C(2)(b)

Apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa.

3

#### Perenggan 44C(2)(c)

Semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan.


4

#### Perenggan 44C(2)(d)

Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.


Pada tahun 2022, sumber kewangan KWIE diperoleh daripada faedah pendapatan.

### Perbandingan Sumber Kewangan KWIE



Nota:

1. Amaun terimaan adalah angka yang telah dibundarkan.



Nota:

1. Amaun terimaan adalah angka yang telah dibundarkan.

## Terimaan Sumbangan KWIE

Pada tahun 2022, tiada sumbangan yang diterima oleh KWIE berbanding tahun sebelumnya. Ini kerana semua penjimatan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) digunakan di dalam pelarasan hasil dan kos di bawah Kawal Selia Berasaskan Insentif - *Incentive Based Regulation* (IBR) bagi mengurangkan impak tarif elektrik.

### Perbandingan Terimaan Sumbangan, 2022 & 2021

Terimaan Sumbangan	2022	2021
<b>TNB</b>		
• Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR	-	RM382 juta <sup>1</sup>
• Lebihan penjimatan ICPT	-	RM1,106 juta <sup>1</sup>
<b>NUR Dist.</b>		
• Lebihan penjimatan ICPT	-	RM9 juta <sup>2</sup>
<b>Jumlah Terimaan Sumbangan</b>	-	<b>RM1,497 juta<sup>3</sup></b>

Nota:

1. Amaun terimaan yang dipindahkan ke dalam dana KWIE adalah berdasarkan amaun sebenar selepas diaudit.
2. Amaun terimaan adalah amaun anggaran yang diluluskan oleh MJM.
3. Amaun terimaan adalah angka yang telah dibundarkan.

## Pendapatan Faedah KWIE

Pendapatan faedah yang diperoleh oleh KWIE terdiri daripada keuntungan bagi penempatan dana KWIE di dalam Simpanan Tetap (FD), *Short Term Money Market Deposit* (STMMMD) dan hibah Akaun Semasa (CA) KWIE di institusi kewangan yang berdaftar di bawah MOF.


Bagi memastikan tadbir urus yang teratur bagi setiap penempatan yang dibuat, setiap agihan dan penempatan dana di institusi kewangan perlu mematuhi Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 6/2018 pada 26 Oktober 2018. Selain pematuhan kepada Polisi Dana KWIE, penempatan di institusi kewangan juga bergantung kepada tawaran kadar pulangan yang tinggi dan kompetitif.

Walaupun baki dana KWIE lebih rendah pada tahun semasa, jumlah pendapatan faedah FD dan STMMMD yang diperolehi oleh KWIE pada tahun 2022 meningkat sebanyak 25% berbanding tahun 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan *Overnight Policy Rate* (OPR) yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seperti berikut:

### Pengumuman OPR Tahun 2022

Tarikh Pengumuman OPR	Perubahan OPR (%)	Kadar Baharu OPR (%)
3 Mac 2022	0	1.75
11 Mei 2022	+0.25	2.00
6 Julai 2022	+0.25	2.25
8 September 2022	+0.25	2.50
3 November 2022	+0.25	2.75

### Perbandingan Pendapatan Faedah KWIE, Tahun 2018 – 2022




# Pelaburan Dana KWIE

Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 6/2018 pada 26 Oktober 2018 membolehkan penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan secara kemas dan teratur.

Penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan di institusi kewangan berdasarkan senarai yang diluluskan oleh MOF, selaras dengan peruntukan seksyen 44D(1) ABE.

Sehingga kini, dana KWIE ditempatkan dalam pelaburan jenis FD dan STMMD.

## Perincian Penempatan dan Pengagihan Dana KWIE di Institusi Kewangan





Penempatan dan pengagihan dana KWIE telah ditempatkan di institusi kewangan sebanyak 10 kali sepanjang tahun 2022 yang terdiri daripada penempatan FD dan STMMD.



## Saiz Pelaburan dan Kadar Pulangan

Pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMMD bagi tahun 2022 dengan tempoh penempatan di antara dua (2) minggu hingga 12 bulan dengan kadar pulangan antara 1.80% hingga 4.10% telah menjana pulangan pelaburan sebanyak RM23 juta.

Sepanjang tahun 2022, BNM telah menaikkan OPR sebanyak empat (4) kali, berjumlah 1.00%. Kadar OPR pada awal tahun 2022 adalah sebanyak 1.75% dan sehingga hujung tahun 2022 meningkat kepada 2.75%. Kenaikan ini menurut BNM adalah bertujuan untuk memastikan kestabilan harga dan kemampuan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa yang panjang.



## Penggunaan Dana oleh KWIE

Subseksyen 44C(3) ABE 1990 memperuntukkan supaya dana KWIE digunakan untuk tujuan berikut:

### Perenggan 44C(3)(a)

Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna.

### Perenggan 44C(3)(b)


Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Perincian perbelanjaan dana KWIE bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Perbelanjaan KWIE	2022	2021
Mengurus tuntutan diskaun bil elektrik	-	RM25.46 juta <sup>1</sup>
Mengurus impak tarif elektrik	RM1,007.80 juta	RM477.10 juta <sup>2</sup>
Perbelanjaan pengurusan dana	RM7.75 juta	RM7.38 juta
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>RM 1,015.55 juta</b>	<b>RM509.94 juta</b>

Nota:

1. Perbelanjaan mengurus tuntutan diskaun bil elektrik adalah bagi tampungan di bawah Pakej PERMAI 2021 sahaja.
2. Tampungan rebat ICPT bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2021.



Terdapat perbezaan yang ketara di dalam jumlah perbelanjaan KWIE bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021. Tahun 2022 menunjukkan perbezaan yang ketara bagi perbelanjaan tampungan rebat ICPT di mana terdapat peningkatan sebanyak 111% penggunaan dana KWIE pada tahun semasa berbanding sebelumnya, selaras dengan peningkatan harga pasaran dunia bagi kos bahan api untuk penjanaan elektrik.

# Perbelanjaan Mengurus KWIE

Bagi tujuan mengurus, dana KWIE digunakan untuk perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran.

## Perbelanjaan Cukai KWIE


Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebih pendapatan bercukai bagi tahun semasa berasaskan kepada pengiraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan diuruskan oleh ejen cukai yang dilantik oleh ST. Sejak tahun 2017, KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM473 juta.



## Kos Pentadbiran KWIE

Kos pentadbiran KWIE terdiri daripada kos pengendalian dana KWIE, iaitu fi audit Jabatan Audit Negara (JAN), fi ejen cukai, kos penerbitan Laporan Tahunan dan risalah KWIE, elaun mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE), dan caj bank serta kos pelunasan bagi aset tak ketara yang mula diiktiraf pada tahun 2022.

Pada tahun 2022, KWIE mencatat kenaikan kos pentadbiran sebanyak RM132 ribu. Jumlah ini meningkat sebanyak 140% berbanding tahun 2021 disebabkan oleh peningkatan kos pelunasan aset tak ketara.



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**PENYATA Pengerusi dan seorang  
Anggota Suruhanjaya Tenaga**

**Pengakuan oleh Pegawai Utama  
yang bertanggungjawab ke atas  
Pengurusan Kewangan KWIE**

**Penyata Kewangan KWIE  
bagi tahun berakhir  
31 Disember 2022**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kumpulan Wang Industri Elektrik dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.



### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya Tenaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NORLIZA BINTI MD NURUDDIN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

2 MEI 2023




## PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga

---

Kami Dato' Azian Bin Osman dan Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Bin Dawood yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Dato' Azian Bin Osman  
Pengerusi

Tarikh: 25 Januari 2023

Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Dato' Ir. Ts. Abdul Razib bin Dawood  
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: 25 Januari 2023


Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya, Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya ) *Marlinda bt. Mohd. Rosli*  
diakui oleh penama di atas )  
di ... **KUALA LUMPUR** )  
di ... **WILAYAH PERSEKUTUAN** )  
pada ... **25 JAN 2023** )

.....  
Di hadapan saya,





# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Kerja Dalam Pembangunan	5	89,928	133,512
Aset Tak Ketara	6	605,481	-
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>695,409</b>	<b>133,512</b>
<b>Aset Semasa</b>			
Faedah Belum Terima	7	1,689,957	7,338,363
Tunai dan Kesetaraan Tunai	8	141,660,468	178,772,725
Pelaburan Jangka Pendek	9	429,928,000	1,623,164,000
Penghutang	10	-	9,253,403
Cukai Boleh Pulih	11	12,623,308	9,030,784
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>585,901,733</b>	<b>1,827,559,275</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>586,597,142</b>	<b>1,827,692,787</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang	12	705,074	251,897,976
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	13	419,243	137,522
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,124,317</b>	<b>252,035,498</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>585,472,825</b>	<b>1,575,657,289</b>
<b>Aset Bersih:</b>			
Lebihan Terkumpul		154,441,916	1,575,657,289
Rizab	14	431,030,909	-
<b>ASET BERSIH</b>		<b>585,472,825</b>	<b>1,575,657,289</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
<b>Pendapatan</b>			
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran</b>			
Terimaan Sumbangan	15	-	1,496,567,598
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran</b>			
Pendapatan Faedah	16	25,371,592	24,562,142
		<b>25,371,592</b>	<b>1,521,129,740</b>
<b>Perbelanjaan</b>			
Rebat/Surcay <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)	17	(1,007,800,637)	(477,096,890)
Diskaun Elektrik	18	-	(25,455,046)
Kos Pentadbiran	19	(104,504)	(92,728)
Pelunasan Aset Tak Ketara	6	(121,096)	-
Caj Bank		(692)	(1,683)
Penalti Cukai	20	(200)	-
		(1,008,027,129)	(502,646,347)
		<b>(982,655,537)</b>	<b>1,018,483,393</b>
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN SEBELUM CUKAI</b>			
Cukai	21	(7,528,927)	(7,286,093)
		<b>(990,184,464)</b>	<b>1,011,197,300</b>
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN SELEPAS CUKAI</b>			

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Lebihan Terkumpul RM	Rizab RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2021	564,459,989	-	564,459,989
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	1,018,483,393	-	1,018,483,393
Cukai Tahun Semasa	(7,286,093)	-	(7,286,093)
<b>Baki pada 31 Disember 2021/ 1 Januari 2022</b>	<b>1,575,657,289</b>	<b>-</b>	<b>1,575,657,289</b>
Pindahan ke Akaun Rizab	(429,931,352)	429,931,352	-
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	(984,219,082)	1,563,545	(982,655,537)
Cukai Tahun Semasa	(7,064,939)	(463,988)	(7,528,927)
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>154,441,916</b>	<b>431,030,909</b>	<b>585,472,825</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>			
(Kurangan)/Lebihan sebelum cukai		(982,655,537)	1,018,483,393
Pelarasan bagi:			
Pendapatan Faedah	16	(25,371,592)	(24,562,142)
Pelunasan Aset Tak Ketara		121,096	-
<b>(Kurangan)/Lebihan sebelum perubahan modal kerja</b>		<b>(1,007,906,033)</b>	<b>993,921,251</b>
Perubahan dalam modal kerja:			
Pengurangan Penghutang		9,253,403	662,156,831
Pengurangan Pemiutang		(251,192,902)	(1,011,454,407)
Peningkatan Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru		281,721	110,757
<b>Tunai (digunakan)/dihasilkan dalam aktiviti operasi</b>		<b>(1,249,563,811)</b>	<b>644,734,432</b>
Bayaran cukai		(11,121,451)	-
<b>Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan dalam aktiviti operasi</b>		<b>(1,260,685,262)</b>	<b>644,734,432</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>			
Faedah Diterima		31,019,998	17,634,675
Pengurangan/(Peningkatan) Kerja Dalam Pembangunan	5	43,584	(133,512)
Pembelian Aset Tak Ketara	6	(726,577)	-
Pengurangan/(Peningkatan) Pelaburan Jangka Pendek	9	1,193,236,000	(1,623,164,000)
<b>Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) daripada aktiviti pelaburan</b>		<b>1,223,573,005</b>	<b>(1,605,662,837)</b>
<b>Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>(37,112,257)</b>	<b>(960,928,405)</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>		<b>178,772,725</b>	<b>1,139,701,130</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>		<b>141,660,468</b>	<b>178,772,725</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Nota	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
<b>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:</b>			
Akaun Mengurus:			
Tunai dan Baki di Bank	8	20,774	12,053,725
Deposit di Bank Berlesen		141,614,000	166,719,000
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Akaun Mengurus</b>		<b>141,634,774</b>	<b>178,772,725</b>
Akaun Rizab:			
Tunai dan Baki di Bank	8	25,694	-
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Akaun Rizab</b>		<b>25,694</b>	<b>-</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>		<b>141,660,468</b>	<b>178,772,725</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Jumlah Bajet RM	Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet RM
<b>Penerimaan</b>			
Pendapatan Faedah	25,380,000	25,371,591	8,409
	<b>25,380,000</b>	<b>25,371,591</b>	<b>8,409</b>
<b>Pembayaran</b>			
Rebat/Surcraj ICPT	1,059,000,000	1,007,800,637	51,199,363
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	122,500	105,196	17,304
Cukai Tahun Semasa	7,530,000	7,529,127	873
	<b>1,066,652,500</b>	<b>1,015,434,960</b>	<b>51,217,540</b>
<b>PENGGUNAAN BERSIH</b>	<b>(1,041,272,500)</b>	<b>(990,063,369)</b>	<b>(51,209,131)</b>

^Varian Bajet merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 36 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawal selia tunggal bagi pengawal seliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjaanaan tenaga termasuk mengawal selia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa “Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen.” Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation Framework – IBR*) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia (regulatori) seperti berikut:

- Regulatori Pertama (RP1) – Tahun 2015 hingga 2017
- Regulatori Kedua (RP2) – Tahun 2018 hingga 2021
- Regulatori Ketiga (RP3) – Tahun 2022 hingga 2024

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap enam (6) bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjaanaan yang didapati munasabah dan di luar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] (ABE), yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada **19 Januari 2023**.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

## 3. ASAS PENYEDIAAN

### a) Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan Suruhanjaya Tenaga yang disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia – “Malaysian Public Sector Accounting Standard” (MPSAS) yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

### b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Asas Perakaunan

Pada 1 Januari 2020, KWIE telah memilih untuk menerima pakai MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan bermula tahun 2020. MPSAS yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

MPSAS 1	:	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	:	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	:	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	:	Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
MPSAS 14	:	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 19	:	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	:	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	:	Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai
MPSAS 22	:	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	:	Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	:	Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
MPSAS 26	:	Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	:	Instrumen Kewangan – Pembentangan
MPSAS 29	:	Instrumen Kewangan – Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	:	Instrumen Kewangan – Pendedahan
MPSAS 31	:	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	:	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Asas Akruan
MPSAS 38	:	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

## d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPSAS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan (sambungan)

Samakan anggaran perakaunan, sekiranya ada akan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

## 4. POLISI PERAKAUNAN

### a) Kerja Dalam Pembangunan

Kerja dalam pembangunan merupakan pembangunan Sistem Kewangan KWIE (*Standard Accounting System For Government Agencies - SAGA*) yang belum siap dibangunkan/belum digunapakai dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan dan pembangunan sistem.

Kerja dalam pembangunan akan dipermodalkan sebagai aset tak ketara selepas ianya selesai dibangunkan.

### b) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara terdiri daripada Sistem Kewangan KWIE (SAGA) yang siap dibangunkan, boleh digunakan dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan sistem.

Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat aset tak ketara ditentukan selama lima (5) tahun. Pelunasan aset tak ketara menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat usia guna aset.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang, aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebih atau kurang, dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana KWIE membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### i) Kategori Aset Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

#### a) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai.

Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebih atau kurang.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Aset Kewangan (sambungan)

### i) Kategori Aset Kewangan

#### b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila KWIE mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai.

Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### c) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

### ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWIE akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam KWIE yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Aset Kewangan (sambungan)

### ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

### iii) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memidahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

## d) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusaniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## d) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

### i) Kategori Liabiliti Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan berikut:

#### Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

### ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

**e) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

**f) Pelaburan Jangka Pendek**

Pelaburan jangka pendek (PJP) merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

**g) Penghutang**

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

**h) Pemiutang**

Pemiutang dan pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

**i) Rizab**

Rizab diwujudkan dengan kelulusan Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 pada 8 April 2021, bertujuan untuk memastikan kedudukan dana KWIE yang mampan dengan dana awal rizab sebanyak RM400,000,000 diperolehi daripada lebih dana terkumpul. Dalam masa yang sama, peruntukan tambahan 2% daripada pendapatan yang diterima secara sah (tidak termasuk pendapatan faedah) bagi tahun-tahun berikutnya mulai tahun 2021 turut dipindahkan ke dalam Akaun Rizab sebagai sebahagian daripada rizab tambahan.



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## i) Rizab (sambungan)

Lebih pendapatan bersih Akaun Rizab merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada pelaburan rizab, yang diperolehi pada tahun semasa, yang akan ditolak dengan cukai kena bayar ke atas pendapatan boleh cukai dan caj bank.

Akaun Rizab ditempatkan di dalam tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan jangka pendek untuk menjana pendapatan faedah yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan.

## j) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai melebihi nilai penampungannya.

Amaun yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan dinilai semula kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai berdasarkan nilai pasaran semasa berbanding nilai semasa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh diperolehi.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## j) Rosot Nilai (sambungan)

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susut nilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

## k) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebih atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebih boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

KWIE telah diberikan pelanjutan tempoh pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

## l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

### i) Pengiktirafan Pendapatan

#### Terimaan Sumbangan

Terimaan sumbangan merupakan pendapatan urusanniaga bukan pertukaran yang diiktiraf mengikut asas akruan apabila hak yang diluluskan untuk menerima sumbangan disahkan dan diterima pada tahun kewangan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (sambungan)

### i) Pengiktirafan Pendapatan

#### Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah merupakan pendapatan urusniaga pertukaran. Pendapatan faedah daripada *Short-Term Money Market Deposit* (STMMD), simpanan tetap (FD) dan PJP diambil kira mengikut asas akruan.

### ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi surcaj/rebat ICPT, peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambil kira mengikut asas akruan.

## m) Pendedahan Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

## n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

#### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

#### Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## **n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (sambungan)**

### **i) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. KWIE menganggarkan jangka hayat aset tak ketara dalam tempoh lima (5) tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

### **ii) Pengukuran Peruntukan**

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

## **o) Peruntukan**

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

## **p) Maklumat Bajet**

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan KWIE yang didedahkan di dalam satu penyata.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 5. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

	2022 RM	2021 RM
Kerja Dalam Pembangunan	89,928	133,512
<b>JUMLAH</b>	<b>89,928</b>	<b>133,512</b>

Kerja dalam pembangunan di bawah aset tak ketara merupakan kerja pembangunan bagi Sistem Kewangan KWIE (SAGA) yang bermula pada akhir tahun 2021, terdiri daripada Modul Kewangan dan Modul Hasil.

Modul Hasil direkodkan sebagai kerja dalam pembangunan pada tahun 2022 memandangkan ianya belum sedia untuk digunakan.

Modul Hasil sedia digunakan apabila ianya berintegrasi dengan Sistem Digital Suruhanjaya Tenaga yang dijangka akan digunakan pada tahun 2023 dan kutipan pemegang lesen boleh dikuatkuasakan apabila Perintah mengenainya diwartakan kelak.

## 6. ASET TAK KETARA

Tahun 2022

	Sistem Kewangan RM	Jumlah Aset Tak Ketara RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan	726,577	726,577
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>726,577</b>	<b>726,577</b>
<b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Perbelanjaan Pelunasan	(121,096)	(121,096)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>(121,096)</b>	<b>(121,096)</b>
<b>Nilai Bersih Aset Tak Ketara</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Pada 31 Disember	<b>605,481</b>	<b>605,481</b>



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 6. ASET TAK KETARA (SAMBUNGAN)

Sistem Kewangan KWIE (SAGA) yang telah digunakan untuk merekod transaksi tahun 2022 telah diiktiraf sebagai aset tak ketara. Tiada aset tak ketara direkod pada tahun 2021.

Pelunasan mula direkodkan mengikut modul yang sedia digunakan berdasarkan kaedah garis lurus pada kadar 20% setahun.

## 7. FAEDAH BELUM TERIMA

	2022 RM	2021 RM
<b>Akaun Mengurus</b> - Faedah Belum Terima	148,753	7,338,363
<b>Akaun Rizab</b> - Faedah Belum Terima	1,541,204	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,689,957</b>	<b>7,338,363</b>

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi Akaun Mengurus dan Akaun Rizab yang ditempatkan di akaun STMMMD, akaun FD dan akaun PJP berlandaskan patuh syariah yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember.

## 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2022 RM	2021 RM
<b>Akaun Mengurus</b>		
Baki di Bank	20,774	12,053,725
Deposit di Bank Berlesen	141,614,000	166,719,000
Jumlah Akaun Mengurus	141,634,774	178,772,725
<b>Akaun Rizab</b>		
Baki di Bank	25,694	-
Jumlah Akaun Rizab	25,694	-
<b>JUMLAH</b>	<b>141,660,468</b>	<b>178,772,725</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada sumber Akaun Mengurus dan Akaun Rizab mulai tahun 2022.

Baki di bank ialah baki yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank berlesen ialah jumlah simpanan di akaun STMM dan di akaun FD dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

## 9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2022 RM	2021 RM
<b>Akaun Mengurus</b>		
Pelaburan Jangka Pendek	-	1,623,164,000
<b>Akaun Rizab</b>		
Pelaburan Jangka Pendek	429,928,000	-
<b>JUMLAH</b>	<b>429,928,000</b>	<b>1,623,164,000</b>

PJP ialah dana dalam akaun simpanan tetap dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan yang ditempatkan di institusi-institusi kewangan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF).

Pada tahun 2022, dana Akaun Rizab ditempatkan di PJP pada 29 November 2022 dengan tempoh penempatan enam (6) bulan, sembilan (9) bulan dan dua belas (12) bulan dan akan matang pada 30 Mei 2023, 29 Ogos 2023 dan 29 November 2023.

PJP di dalam Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung seperti berikut.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 9. PELABURAN JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

	2022 RM	2021 RM
Pada tahun kewangan sebelum	1,623,164,000	-
Pada tahun kewangan semasa	429,928,000	1,623,164,000
<b>PERUBAHAN</b>	<b>1,193,236,000</b>	<b>(1,623,164,000)</b>

## 10. PENGHUTANG

	2022 RM	2021 RM
Lebihan ICPT di bawah IBR	-	9,223,374
Lebihan Tuntutan Diskaun Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI 2021)	-	30,029
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>9,253,403</b>

Tiada penghutang direkodkan pada tahun 2022 memandangkan tiada sumbangan diterima pada tahun semasa. Dalam masa yang sama, amaun penghutang tahun 2021 telah diterima pada tahun 2022.

Penerangan dibaca bersama **Nota 15**.

## 11. CUKAI BOLEH PULIH

	2022 RM	2021 RM
Cukai Terdahulu	20,152,235	16,316,877
Peruntukan Cukai	(7,528,927)	(7,286,093)
<b>JUMLAH</b>	<b>12,623,308</b>	<b>9,030,784</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 11. CUKAI BOLEH PULIH (SAMBUNGAN)

KWIE telah diberi pelanjutan tempoh pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Lebih bayaran cukai di bawah Skim Ansuran CP500 bagi tahun taksiran 2020 berjumlah RM16,316,877. Pada 25 Mei 2022, Penyata Kedudukan Cukai KWIE yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), menunjukkan terdapat kenaikan cukai yang dikenakan ke atas KWIE di bawah peruntukan subseksyen 107B(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berjumlah RM20,152,235. Amaun kenaikan cukai berkenaan telah dijelaskan sepenuhnya secara *nett-off* lebih ansuran bayaran cukai tahun taksiran 2020 sebanyak RM16,316,877 dan bayaran cukai kepada LHDNM sebanyak RM3,835,358 yang jelas dalam penyata bank KWIE pada 4 Julai 2022.

Lanjutan pengenaan kenaikan cukai tersebut, LHDNM pada 22 Ogos 2022 telah bersetuju memberikan pengecualian pengenaan cukai KWIE di bawah seksyen 107B(3) ACP dan mengiktiraf bayaran yang dijelaskan sebelum ini berjumlah RM20,152,235 sebagai cukai boleh pulih. Dalam masa yang sama, LHDNM juga telah mengiktiraf amaun tersebut sebagai 'kredit boleh dibayar balik'.

Peruntukan cukai pula merupakan amaun cukai kena bayar kepada LHDNM, dikenakan ke atas pendapatan faedah yang tertakluk kepada cukai pendapatan.

Penerangan dibaca bersama **Nota 21**.

## 12. PEMIUTANG

	2022	2021
	RM	(Dinyatakan semula) RM
TNB	-	251,897,976
LAP	705,074	-
<b>JUMLAH</b>	<b>705,074</b>	<b>251,897,976</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 12. PEMIUTANG (SAMBUNGAN)

Pemiutang adalah komitmen yang perlu dibayar oleh KWIE bagi tuntutan rebat/surcay ICPT dalam tahun semasa. Komitmen diiktiraf berdasarkan amaun invoice dan amaun anggaran bagi rebat/surcay ICPT yang belum dituntut pada akhir tahun 2022. Bayaran bagi komitmen berkenaan akan dijelaskan setelah dokumen tuntutan yang lengkap disahkan dan diterima oleh Unit KWIE.

Kerajaan telah membuat keputusan supaya pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Februari sehingga 31 Disember 2022 yang ditampung menggunakan dana KWIE beranggaran sebanyak RM1,059 juta bagi TNB dan pemegang LAP.

Tuntutan rebat/surcay ICPT oleh TNB sebanyak RM1,002,930,000 dan rebat ICPT oleh NUR sebanyak RM2,640,000 telah dijelaskan sepenuhnya oleh KWIE pada akhir tahun 2022. Tuntutan rebat/surcay ICPT oleh pemegang LAP bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM2,230,637. Sebanyak RM1,525,563 telah dijelaskan pada tahun semasa manakala bakinya sebanyak RM705,074 direkodkan sebagai komitmen tahun 2022, yang akan dibayar pada tahun 2023.

Penerangan dibaca bersama **Nota 17** dan **Nota 25**.

## 13. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2022 RM	2021 RM
Fi Audit	18,025	18,025
Fi Ejen Cukai	3,700	6,000
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	57,558	24,489
Kos Penerbitan Risalah	13,000	-
Kos Sistem Kewangan KWIE	326,960	89,008
<b>JUMLAH</b>	<b>419,243</b>	<b>137,522</b>

Fi audit merujuk kepada fi yang dibayar bagi tujuan pengauditan Penyata Kewangan KWIE. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara (JAN) telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) bagi menjalankan pengauditan Penyata Kewangan KWIE.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 13. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU (SAMBUNGAN)

Fi ejen cukai merujuk kepada fi yang dibayar kepada ejen cukai yang dilantik bagi menguruskan hal-hal berkenaan dengan cukai KWIE. Pada Disember 2022, KWIE melantik ejen cukai baru iaitu MNZ WAJA Tax Services Sdn Bhd bagi menguruskan hal percukaian KWIE dengan kos sebanyak RM3,700 setahun, termasuk kos *out of pocket*.

Penerbitan bagi Laporan Tahunan KWIE dan Risalah KWIE telah selesai dilaksanakan dan dicetak pada akhir tahun 2022, manakala bayaran penerbitan berkenaan akan dijelaskan pada awal tahun 2023.

Kos Sistem Kewangan KWIE pula merupakan kos pembangunan sistem kewangan yang dipermodalkan sebagai aset tak ketara dan belum dijelaskan kepada pembekal pada tahun semasa.

Penerangan dibaca bersama **Nota 6** dan **Nota 19**.

## 14. RIZAB

	2022 RM	2021 RM
Dana awal Akaun Rizab	400,000,000	-
Tambahan 2% bagi tahun 2021	29,931,352	-
Lebihan bersih tahun semasa	1,099,557	-
<b>JUMLAH</b>	<b>431,030,909</b>	<b>-</b>

	2022 RM	2021 RM
<b><u>Lebihan bersih Rizab tahun semasa</u></b>		
Pendapatan faedah dana Akaun Rizab	1,563,585	-
Tolak: Perbelanjaan semasa		
Caj bank	(40)	-
Cukai kena bayar	(463,988)	-
<b>Lebihan bersih tahun semasa</b>	<b>1,099,557</b>	<b>-</b>



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 14. RIZAB (SAMBUNGAN)

Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 telah memutuskan supaya RM400,000,000 diperuntukkan sebagai dana awal bagi Akaun Rizab, yang terdiri daripada lebih dana terkumpul bagi tahun-tahun sebelumnya. Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 turut memutuskan supaya tambahan 2% daripada pendapatan bagi tahun-tahun berikutnya (tidak termasuk pendapatan faedah) untuk dipindahkan ke dalam Akaun Rizab mulai tahun 2021, sebagai langkah bagi memastikan kemampanan dana KWIE.

Tiada dana dipindahkan ke dalam Akaun Rizab bagi tahun 2022 memandangkan tiada sumbangan pendapatan diperolehi KWIE bagi tahun semasa.

Lebih bersih tahun semasa merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada Akaun Rizab pada tahun semasa selepas mengambil kira perbelanjaan berkaitan pengurusan Akaun Rizab, yang akan dipindahkan ke Akaun Rizab pada akhir tahun kewangan.

Item berkaitan lebih bersih tahun semasa ini turut dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa.

## 15. TERIMAAN SUMBANGAN

	2022 RM	2021 RM
Lebih ICPT di bawah IBR	-	1,114,885,398
Pelarasan Hasil dan Kos di bawah IBR	-	381,682,200
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>1,496,567,598</b>

Selaras dengan keputusan Kerajaan, tiada sumbangan yang diterima oleh KWIE pada tahun 2022 berbanding tahun kewangan sebelumnya berikutan pelarasan hasil TNB iaitu *Annual Return Adjustment* (ARA) diselaraskan melalui pengiraan ICPT sebagai pelan mitigasi bagi mengurangkan impak tarif elektrik.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10**.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 16. PENDAPATAN FAEDAH

	2022 RM	2021 RM
<b>Akaun Mengurus</b>		
Akaun STMMMD/ FD/ PJP		
~ Faedah Matang	21,703,582	11,372,876
~ Faedah Belum Terima	148,754	7,338,363
Hibah	1,955,671	5,850,903
	<b>23,808,007</b>	<b>24,562,142</b>
<b>Akaun Rizab</b>		
Akaun PJP		
~ Faedah Matang	-	-
~ Faedah Belum Terima	1,541,203	-
Hibah	22,382	-
	<b>1,563,585</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>25,371,592</b>	<b>24,562,142</b>

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021, Akaun Rizab telah dibuka pada tahun 2022 setelah kelulusan YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan persetujuan YAB Menteri Kewangan diperoleh pada 25 April 2022. Sehubungan itu, pendapatan faedah yang dijana daripada Akaun Mengurus dan Akaun Rizab diperincikan dengan lebih jelas di dalam nota Penyata Kewangan KWIE.

## 17. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT)

	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
TNB	1,002,930,000	477,096,890
NUR	2,640,000	-
LAP	2,230,637	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,007,800,637</b>	<b>477,096,890</b>

Sebanyak RM1,005,160,637 dana KWIE digunakan untuk menampung rebat/surcaj ICPT pengguna di bawah TNB dan pemegang LAP bagi tempoh 1 Februari sehingga 31 Disember 2022.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 17. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT) (SAMBUNGAN)

Manakala sebanyak RM2,640,000 dana KWIE digunakan bagi menampung rebat ICPT pengguna di bawah NUR bagi bulan Januari 2022.

Dalam masa yang sama, Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2021 dinyatakan semula memandangkan terdapat lebih tuntutan rebat ICPT bulan Disember 2021 oleh TNB berjumlah RM14,462,722.

Keputusan Kerajaan berkenaan penggunaan dana KWIE adalah seperti di bawah:

Tarikh MJM	Keputusan
i. 26 Januari 2022	<ul style="list-style-type: none"><li><u>TNB &amp; Pemegang LAP</u>: Pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT bagi pengguna domestik sebanyak RM715 juta akan ditampung sepenuhnya menggunakan dana KWIE. Jumlah ini adalah bersamaan dengan pemberian rebat pada kadar 2.00 sen/kWj dan tampungan surcaj pada kadar 3.70 sen/kWj kepada semua pengguna domestik di Semenanjung.<sup>1</sup></li><li><u>NUR</u>: Kos pemberian rebat 2.00 sen/kWj kepada penggunaannya bagi bulan Januari 2022 sebanyak RM2.64 juta akan dibiayai menggunakan penjimatan ICPT bagi tempoh Januari hingga Jun 2021.<sup>2</sup></li></ul>
ii. 24 Jun 2022	<ul style="list-style-type: none"><li><u>TNB &amp; Pemegang LAP</u>: Kos pemberian rebat dan tampungan surcaj berjumlah RM5,762 juta akan dibiayai bersama menggunakan dana KWIE sebanyak RM344 juta dan MOF sebanyak RM5,418 juta. Ini adalah bersamaan dengan pemberian rebat pada kadar 2.00 sen/kWj dan tampungan surcaj pada kadar 3.70 sen/kWj kepada semua pengguna domestik di Semenanjung.<sup>1</sup></li></ul>

Nota:

1. Tampungan kos ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala dana yang dibayar oleh KWIE kepada TNB dan pemegang LAP berdasarkan amaun sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 17. REBAT/SURCAJ *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT) (SAMBUNGAN)

2. MJM pada 23 Jun 2021 berkeputusan supaya penjimatan ICPT bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 di Kulim High-Tech Park (KHTP) sebanyak RM9.22 juta dipindahkan ke dalam dana KWIE. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanya dipindahkan ke dalam dana KWIE pada 28 Januari 2022. MJM pada 26 Januari 2022 berkeputusan supaya kos pemberian rebat kepada pengguna bukan domestik di KHTP bagi bulan Januari 2022 sebanyak RM2.64 juta dibiayai menggunakan jumlah penjimatan ICPT bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. Sehubungan itu, KWIE memindahkan semula RM2.64 juta kepada NUR sebagai tampungan kos pemberian rebat kepada penggunanya bagi bulan Januari 2022.

Penerangan dibaca bersama **Nota 12** dan **Nota 25**.

## 18. DISKAUN ELEKTRIK

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
TNB	-	22,888,549
LAP (termasuk NUR)	-	2,566,497
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>25,455,046</b>

Pada tahun 2022, tiada pemberian diskaun elektrik yang ditampung menggunakan dana KWIE.

Penerangan dibaca bersama **Nota 12**.

## 19. KOS PENTADBIRAN

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Elaun Kehadiran Mesyuarat (Nota 23)	11,500	19,000
Fi Audit	18,020	18,025
Fi Ejen Cukai	4,426	6,726
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	57,558	48,977
Kos Penerbitan Risalah	13,000	-
<b>JUMLAH</b>	<b>104,504</b>	<b>92,728</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 19. KOS PENTADBIRAN (SAMBUNGAN)

Selaras dengan seksyen 44C ABE, Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 7 Tahun 2017 pada 21 Disember 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga.

Elaun Kehadiran Mesyuarat merujuk kepada elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) mulai tahun 2017. Ahli luar JKKWIE merupakan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), MOF dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Penerangan dibaca bersama **Nota 13**.

## 20. PENALTI CUKAI

	2022 RM	2021 RM
Penalti Cukai	200	-
<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>-</b>

Pada 9 Disember 2022, KWIE telah menerima notis pengenaan subseksyen 112(3) ACP ke atas serahan Borang Nyata (BN) cukai KWIE bagi TT 2021 yang melepasi tarikh ditetapkan dengan amaun sebanyak RM200.

Lanjutan daripada penerimaan notis pengenaan subseksyen 112(3) ACP tersebut, KWIE telah mengemukakan surat permohonan pengecualian pengenaan subseksyen 112(3) ACP kepada LHDNM pada 23 Disember 2022, memandangkan BN cukai KWIE bagi TT 2021 dikemukakan pada 30 Jun 2022 dan masih belum melepasi tarikh akhir serahan yang ditetapkan pada 15 Julai 2022.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 21. CUKAI

	2022 RM	2021 RM
<b>Perbelanjaan Cukai</b>		
Cukai tahun semasa	7,528,927	7,286,093
<b>JUMLAH</b>	<b>7,528,927</b>	<b>7,286,093</b>
<b>Penyesuaian kadar cukai efektif</b>		
Pendapatan faedah Dana Mengurus	23,808,006	24,562,142
Pendapatan faedah Dana Rizab	1,563,586	-
	25,371,592	24,562,142
Cukai pada RM1,000,000 pertama	237,450	237,450
Cukai pada RM1,000,000 kedua (28%)	280,000	280,000
Baki pada kadar cukai 30%	7,011,477	6,768,643
Perbelanjaan Cukai	7,528,927	7,286,093
<b>JUMLAH</b>	<b>7,528,927</b>	<b>7,286,093</b>

Pada tahun kewangan 2021, MOF melalui surat pada 17 Ogos 2021 telah meluluskan pelanjutan tempoh pengecualian cukai pendapatan di peringkat pendapatan berkanun kepada KWIE untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran (TT) 2022 sehingga TT 2024. Kelulusan tersebut diberikan dengan syarat, KWIE perlu mengisytiharkan pendapatan kepada LHDNM setiap tahun.

Sehubungan itu, pendapatan faedah KWIE yang merupakan pendapatan lain yang diterima KWIE adalah tertakluk kepada cukai oleh LHDNM.

## 22. (KURANGAN)/LEBIHAN SELEPAS CUKAI

	2022 RM	2021 (Dinyatakan semula) RM
(Kurangan)/Lebih bersih selepas cukai	(990,184,464)	1,011,197,300
<b>JUMLAH</b>	<b>(990,184,464)</b>	<b>1,011,197,300</b>



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 22. (KURANGAN)/LEBIHAN SELEPAS CUKAI (SAMBUNGAN)

Tiada terimaan sumbangan diterima oleh KWIE pada tahun 2022. Pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah daripada pendapatan faedah berjumlah RM25,371,592.

Pada tahun 2022, KWIE menampung perbelanjaan rebat/surcuj ICPT bagi pengguna di bawah TNB, NUR dan pemegang LAP berjumlah RM1,007,800,637 dan kos-kos pentadbiran termasuklah cukai sebanyak RM7,755,419. Perbelanjaan ini ditampung sepenuhnya oleh lebihan dana KWIE daripada tahun-tahun sebelumnya.

Sehubungan itu, KWIE mencatatkan kurangan bersih selepas cukai sebanyak RM990,184,464 pada tahun 2022 berbanding lebihan bersih selepas cukai sebanyak RM1,011,197,300 pada tahun sebelumnya.

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2021 dinyatakan semula apabila terdapat lebihan tuntutan rebat ICPT bulan Disember 2021 oleh TNB yang berjumlah RM14,462,722. Secara tidak langsung, lebihan selepas cukai bagi tahun 2021 dinyatakan semula.

## 23. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Elaun Kehadiran Mesyuarat (Nota 19)	11,500	19,000
<b>JUMLAH</b>	<b>11,500</b>	<b>19,000</b>

Sepanjang tahun 2022, Mesyuarat JKKWIE telah bersidang sebanyak empat (4) kali (2021: tujuh (7) kali) bagi membincangkan dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 23. KOMITMEN MODAL

	2022 RM	2021 RM
<b>Diluluskan dan Dikontrakkan</b>		
Kerja Dalam Pembangunan	313,603	996,596
<b>JUMLAH</b>	<b>313,603</b>	<b>996,596</b>

Komitmen modal adalah baki kontrak bagi projek pembangunan Sistem Kewangan KWIE (SAGA) bagi Modul Hasil termasuk kos penyelenggaraan sistem selama dua (2) tahun selepas tamat tempoh jaminan.

Pelantikan pembekal diluluskan pada tahun 2021 dan pembangunan Sistem Kewangan KWIE (SAGA) bagi Modul Kewangan siap digunakan pada tahun 2022 dan diiktiraf sebagai aset tak ketara.

Manakala Modul Hasil dijangka disiapkan sepenuhnya apabila berintegrasi dengan Sistem Digital Suruhanjaya Tenaga pada tahun 2023.

## 24. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2021 dinyatakan semula kerana terdapat lebih tuntutan rebat ICPT oleh TNB bagi bulan Disember 2021 sebanyak RM14,462,722 yang direkodkan sebagai pemiutang pada tahun kewangan 2021. Lebih tuntutan ini disahkan oleh TNB dan dimaklumkan kepada KWIE selepas Penyata Kewangan KWIE bagi tahun kewangan 2021 selesai diaudit dan dimuktamadkan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 25. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah disusun semula supaya selaras dengan angka yang telah dibentangkan tahun ini.

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula 2021 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2021 RM
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Pemiutang	251,897,976	266,360,698
<b>Jumlah Liabiliti</b>	252,035,498	266,498,220
<b>Lebihan Terkumpul</b>	1,575,657,289	1,561,194,567
<b>ASET BERSIH</b>	<b>1,575,657,289</b>	<b>1,561,194,567</b>

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula 2021 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2021 RM
<b>Perbelanjaan</b>		
Rebat/Surcuj <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)	(477,096,890)	(491,559,612)
	(502,646,347)	(517,109,069)
<b>LEBIHAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>1,018,483,393</b>	<b>1,004,020,671</b>
<b>LEBIHAN SELEPAS CUKAI</b>	<b>1,011,197,300</b>	<b>996,734,578</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]


## 26. ANGKA PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)

### PENYATA ALIRAN TUNAI

	Seperti yang dinyatakan semula 2021 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2021 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>		
Lebih sebelum cukai	1,018,483,393	1,004,020,671
<b>Lebih sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>993,921,251</b>	<b>979,458,529</b>
Pengurangan Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	(1,011,343,650)	(996,880,928)
<b>Tunai dihasilkan dalam aktiviti operasi</b>	<b>637,806,965</b>	<b>637,806,965</b>

HALAMAN INI SENGAJA DIKOSONGKAN

**Suruhanjaya Tenaga** (*Energy Commission*)

 No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

 (603) 8870 8500  (603) 8888 8637

 [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)